

## RM1 juta bantu golongan memerlukan

KEMAMAN - Petronas memperuntukkan sejumlah RM1 juta sumbangan bagi membantu golongan kurang berkemampuan di negeri ini di bawah Program Sentuhan Kasih Petronas untuk tempoh setahun bermula Mei lalu hingga April tahun depan.

Pengurus Besar Petronas Wilayah Pantai Timur, Wan Mohd Hasnan Abdullah berkata, sumbangan tersebut merangkumi pemberian bantuan makanan asas bernilai RM80 setiap bulan selama setahun kepada 400 keluarga di daerah Kemaman, Dungun dan Kuala Nerus.

Menurutnya, sebagai tambahan setiap keluarga turut menerima bantuan bernilai RM240 sempena musim perayaan baru-baru ini.

"Peruntukan RM1 juta itu turut merangkumi pelaksanaan program pembangunan modal insan selama setahun melibatkan 100 wanita daripada keluarga nelayan dan ibu tunggal di daerah Kuala Nerus.

"Melalui program dengan kerjasama Yayasan MyKasih tersebut, para peserta didedahkan de-



Ahmad Samsuri menyampaikan sumbangan bantuan makanan asas kepada penerima di Kemaman.

ngan kemahiran di dalam bidang keusahawanan sebagai salah satu usaha meningkatkan taraf hidup mereka," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada majlis ringkas penyampaian sumbangan kepada sebahagian penerima sempena lawatan rasmi Menteri Besar, Dr Ahmad Samsuri Mokhtar di Kemaman yang turut dihadiri Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk A Rahman Yahya.

Terengganu merupakan satu daripada lapan buah negeri yang mendapat faedah daripada program bantuan makanan asas di bawah

Program Sentuhan Kasih Petronas.

Menerusi program yang dilancarkan April lalu itu, sejumlah 5,400 keluarga di Terengganu, Melaka, Johor, Kedah, Selangor, Kelantan, Sabah dan Sarawak terbabit dengan nilai perbelanjaan sebanyak RM7 juta.

Kata Wan Mohd Hasnan lagi, sumbangan tersebut merupakan sebahagian daripada komitmen berterusan Petronas dalam membantu meringankan beban golongan kurang berkemampuan di seluruh negara termasuk di negeri ini.